

Jurang pendapatan ketara awam, swasta

PETALING JAYA: Jurang pendapatan antara penjawat awam dan swasta dijangka wujud pada 2026 apabila kakitangan kerajaan menerima kenaikan sepenuhnya gaji baharu yang diumumkan baru-baru ini.

Berdasarkan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kakitangan kerajaan berjawatan rendah dijangka menikmati gaji baharu sehingga RM2,000 berbanding gaji minimum swasta pada kadar RM1,500 pada masa ini.

Pensyarah Kanan Ekonomi di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr. Bashir Ahmad Shabir Ahmad berkata, kenaikan dinikmati penjawat awam itu sudah pasti memberi tekanan kepada nisbah pendapatan sek-

tor swasta.

Katanya, jurang pendapatan itu mewujudkan tekanan yang menjadikan kerjaya di sektor swasta akan lebih mendatar.

“Apabila wujudnya jurang pendapatan antara kedua-dua sektor ini, maka insentif untuk bekerja di sektor swasta akan menjadi lebih mendatar dari segi permintaan terutama dalam industri yang menjanjikan gaji tetap mengikut gaji minimum seperti sektor perkilangan, perindustrian, pelancongan dan perkhidmatan.

“Ini kerana selain sektor awam yang memberi gaji permulaan lebih baik, terdapat pilihan untuk bekerja sendiri seperti Grab, FoodPanda, sub-penghantaran untuk Shoppe

Express, J&T dan seumpamanya yang mampu memberikan pendapatan lebih fleksibel,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Jumaat lalu, Perdana Menteri mengumumkan penyelarasan gaji baharu penjawat awam sebanyak 15 peratus kepada kumpulan pelaksana manakala tujuh peratus kepada pengurusan tertinggi.

Pelarasan itu akan dilaksanakan dalam dua fasa iaitu yang pertama bermula 1 Disember ini manakala fasa kedua bermula 1 Januari 2026.

Mengulas lanjut, Bashir Ahmad berkata, terdapat keperluan untuk mengkaji semula gaji minimum sektor swasta bagi mengimbangi peningkatan kos sara hidup pada masa ini.

Katanya, amat wajar bagi kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia mengkaji siling yang ditetapkan untuk gaji minimum pada masa kini.

“Tidak dinafikan akan berlaku kesan timbal balik apabila majikan berasa tertekan dengan kenaikan gaji minimum di sektor swasta dan cara mengatasinya adalah dengan menaikkan harga barang di pasaran.

“Maka adalah wajar Kementerian Sumber Manusia mengadakan perbincangan terlebih dahulu dengan wakil-wakil dari pihak swasta, perkilangan, perindustrian, pengusaha industri kecil, bank dan sektor perkhidmatan untuk melihat keperluan kembali mengkaji gaji minimum,” katanya.